



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TINGKAT KELUASAN TANAMAN NANAS, NASIONAL, SH -9	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2.	FAMA, KPDNHEP KEKANG PENIPUAN HARUMANIS, NEGARA, KOSMO -6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PASTIKAN NELAYAN DARAT TIDAK TERJABAK DENGAN RASUAH, RASUAH BUSTERS, SH -12	LAIN-LAIN
4.	HARGA LEMBU SADO CECAH RM60,000, NEGARA, KOSMO -11	
5.	EXCO PERAK TINJAU AKTIVITI USAHAWAN TANI BIMBINGAN PPPNP DI KUALA KANGSAR, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Tingkat keluasan tanaman nanas

Tampung permintaan tinggi untuk pasaran eksport dan dalam negara

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SERDANG

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan meningkatkan keluasan tanaman nanas negara daripada 16,000 hektar kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bermula 2021 hingga 2025.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, ia bagi menampung permintaan tinggi bukan sahaja untuk pasaran eksport, ma-

lah bagi permintaan dalam negara.

Menurutnya, nanas merupakan tanaman yang telah dikategorikan oleh kerajaan sebagai 'sumber kekayaan baharu negara' berikutan permintaan yang tinggi untuk eksport seperti varieti premium MD2.

"Buat masa ini kapasiti negara untuk mengeluarkan nanas adalah sebanyak 400,000 tan metrik dengan nilai lebih RM500 juta setahun. Jumlah itu masih belum mencukupi untuk pasaran nanas MD2 di luar negara dan pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat Pengusaha Nanas di Pusat Informasi Nanas, Laman Nanas MAEPS Serdang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Ke-



Dari kiri, Mohd Khairulzamri, Sahrudin, Ronald dan Anis pada Majlis Penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat Pengusaha Nanas di MAEPS Serdang pada Selasa.

tua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Dr Anis Mahmod; Pengerusi LPNM, Datuk Dr Sahrudin Jamal dan Timbalan Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairulzamri M Salleh.

Ronald yakin nanas akan menjadi sektor yang berdaya maju.

Oleh itu, katanya, eksport nanas dijangka terus berkembang sebanyak lima peratus setahun bagi tempoh RMK12.

"Eksport nanas negara mencatatkan jumlah RM490 juta bagi tahun 2019 berbanding RM343 juta pada tahun 2018," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, terdapat perkembangan positif terhadap cadangan mewujudkan LPNM di Sabah bagi meningkatkan pengeluaran dan meluaskan penanaman nanas negara.

Menurutnya, ia susulan kunjungan rasmi beliau ke atas Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Mohd Noor serta Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffery Kitingan pada 19 Februari lalu.

"Beberapa perkara penting telah dibincangkan dalam pertemuan tersebut untuk terus bekerjasama bagi memajukan pembangunan sektor pertanian dan menjamin keselamatan makanan negara," katanya.

FAMA, KPDNHEP kekang penipuan harumanis

KANGAR – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mengekang penipuan membabitkan penjualan mempelam harumanis Perlis di pasaran termasuk secara dalam talian.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, pihaknya bersama KPDNHEP akan membantu penjualan harumanis dari negeri ini yang bermula bulan hadapan.

"Kita ada menerima laporan berhubungnya penipuan yang mana pembeli menerima mempelam jenis lain, bukan jenis harumanis dari Perlis pada musim lalu.

"Ada yang berlaku disebabkan kekeliruan apabila ada peniaga menggunakan perkataan haru-

manis pada buah mangga yang dijual, sebagai contoh harumanis Kemberaja dari Thailand," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus Pengendalian Kualiti dan Gred Mangga Harumanis di FAMA Perlis di sini semalam.

Katanya, peniaga yang didapati menipu atau mengemukakan pengguna boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perlindungan Pengguna.

"FAMA juga boleh mengambil tindakan kepada pihak tidak bertanggungjawab itu di bawah Peraturan Pengredan, Pembungkusan dan Pelabelan FAMA 2008," jelasnya.

Mohamad Mustahapa pada masa sama menasihatkan pengguna supaya lebih berhati-hati jika mahu membeli harumanis dengan memastikan ia benar-benar harumanis Perlis.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, kata beliau, pihaknya yakin mampu membantu pengusaha untuk memasarkan harumanis Perlis pada musim ini ketika larangan merentas negeri masih dikuatkuasakan.

"Jangkaan awal pengeluaran musim kali ini ialah 3,000 metrik tan dan sebanyak 24 stesen pengumpulan dan penghantaran harumanis di seluruh negara telah dikenal pasti," jelasnya.

Tambahnya, penghantaran harumanis ke seluruh negara menggunakan empat syarikat kurier dan tiada isu harumanis rosak akibat kelewatan penghantaran oleh syarikat kurier.

Harga harumanis dijual mengikut permintaan semasa dengan harga pasaran biasanya antara RM120 hingga RM140 untuk tiga kilogram.



MOHAMAD MUSTAHAPA (kanan) dan Pengarah FAMA Perlis, Mohamad Paisal Amri melihat harumanis di FAMA Perlis, Kangar semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2021	SINAR HARIAN	RASUAH BUSTERS	12

Pastikan nelayan darat tidak terjebak rasuah

IPOH - Persatuan Nelayan Ikan Air Tawar (Peniat) akan berusaha memastikan ahli mereka yang terdiri daripada nelayan darat tidak terlibat dengan rasuah.

Yang Dipertuanya, Sairul Nizam Mohamad Salleh berkata, biarpun nelayan darat di kawasan sekitar Sungai Galah, Kampung Galah tidak pernah berdepan situasi diugut atau diberikan suapan tertentu, namun pihaknya tetap berwaspada.

Menurutnya, kegiatan rasuah yang berlaku di negara ini merupakan masalah yang boleh merosakkan sis-

tem ekonomi dan sosial.

“Pada pandangan saya, keadaan rasuah di negara ini tidak terlalu kritikal namun tetap memberi kesan kepada semua sektor.

“Gejala rasuah berlaku disebabkan kurangnya pendidikan agama, gopoh melakukan sesuatu tindakan dan tamak dalam mengaut keuntungan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sairul Nizam berkata, di peringkat Peniat, pihaknya akan berusaha menerapkan nilai-



SAIRUL NIZAM

nilai baik dalam kalangan ahli supaya mereka menolak rasuah.

Katanya, akhlak dan peribadi ahli akan cuba dikawal dengan panduan agama supaya gejala rasuah tidak membarah dalam komuniti.

Menurut beliau, dalam usaha mengawal gejala rasuah ini, undang-undang sedia ada sudah mencukupi namun penguatkuasaan harus lebih dipertingkatkan lagi.

Nilai jualan menyamai harga Proton Ertiga, permintaan tinggi bulan Ramadan

Harga lembu sado cecah RM60,000

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

BESUT - Penternakan lembu sado mampu menjana pendapatan lumayan kepada pengusahanya.

Seorang penternak, Ahmad Mustapa berkata, seekor lembu sado induk pernah dijual pada harga RM60,000, menyamai harga sebuah kenderaan jenis Proton Ertiga Executive (AT).

"Lembu sado baka Charolais itu dijual dengan harga paling tinggi di daerah ini sebelum ini kerana ia merupakan induk terbaik.

"Jika (lembu sado) jenis biasa pun, harga jualan seekor boleh melebihi RM12,000 apatah lagi jenis induk terbaik," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Ahmad yang berasal dari Kampung Tok Dor di sini dan mempunyai 45 ekor lembu sado berkata, seekor lembu sado mampu menghasilkan daging seberat hampir satu tan.

Katanya, jualan daging bagi



AHMAD bersama salah seekor daripada 45 ekor lembu sadonya ketika ditemui di ladangnya di Kampung Tok Dor, Besut semalam.

seekor lembu sado tersebut mampu menjana pendapatan sehingga RM20,000.

"Permintaan terhadap daging lembu sado terutama bulan

Ramadan, Syawal dan Hari Raya Aidiladha semakin meningkat dari setahun ke setahun.

"Daging lembu sado yang lembut dan berjus juga mendapat

tampahan daripada pengusaha hotel dan restoran mewah kerana sesuai dijadikan stik," ujarnya.

Seorang lagi penternak, Aswadi Hussin berkata, 'perangai' dan



KERATAN Kosmo! semalam.

corak pemakanan lembu sado menyebabkan ia hanya sesuai ditemak di kandang.

Dia yang berasal dari Batu Tumbuh di sini berkata, seekor lembu sado memerlukan makanan dalam kuantiti banyak kira-kira 10 kilogram (kg) sehari.

"Sebaiknya lembu sado diberi makan rumput minyak selain dedak. Secara purata, saya menghabiskan RM2,000 sebulan untuk lima ekor lembu sado yang dibelanya.

"Walaupun kosnya agak tinggi tetapi berbaloi kerana pembesaran lembu sado cepat. Kita sudah boleh menjualnya ketika berusia 12 bulan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2021	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

Exco Perak tinjau aktiviti usahawan tani bimbingan PPPNP di Kuala Kangsar

BERBUDI Satu lawatan kerja dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar negeri Perak, Datuk Zainol Fadzi Paharudin bagi meninjau aktiviti usahawan bimbingan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) di sekitar daerah Kuala Kangsar baru-baru ini.

Antara kegiatan pertanian yang diusahakan usahawan tani itu seperti tanaman kacang panjang, sawi, markisa, terung, jambu batu, tembikai, jagung dan ternakan ikan arowana.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Chandan, Maslin Sham Razman dan ADUN Manong, Mohamad Zuraimi Razali.

Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahapis Yahya berkata, lawatan kerja itu bertujuan membantu dan menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan tani bagi membekalkan rantaian makanan di negara ini.



ZAINOL FADZI (tengah) memetik sayur sawi ketika meninjau aktiviti pertanian usahawan tani di Kuala Kangsar baru-baru ini.